

**SYARAT-SYARAT LESEN BENGKEL****1. ASAS PERUNDANGAN YANG DIGUNAPAKAI**

Bengkel tertakluk kepada 2 perundangan asas yang digunapakai oleh MDKL iaitu :

- a) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- b) UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MDKL) 2007

2. AM LESEN

- 2.1 Lesen hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan dan hendaklah mengemukakan lesen ini jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.
- 2.2 Sekiranya melibatkan bangunan sementara atau pindaan keatas bangunan pelesen perlu mendapatkan kelulusan bangunan terlebih dahulu dari Majlis Daerah Kuala Langat.
- 2.3 Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di kakilima, lorong belakang dan diatas jalan belakang / hadapan premis tersebut.
- 2.4 Jika tuan mempamerkan papan iklan atau papan tanda di premis tersebut, perlu kelulusan lesen papan iklan daripada Yang Dipertua.
- 2.5 Tidak dibenarkan menambah atau menukar aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kelulusan Majlis.
- 2.6 Menyediakan alat pemadam api yang secukupnya dan disahkan oleh Jabatan Bomba.
- 2.7 Lesen tidak boleh dipindahmilik tanpa kelulusan Majlis dan pertukaran pelesen yang baru perlu membuat permohonan pindahmilik lesen perniagaan.
- 2.8 Perlu ada bendera Malaysia dan Selangor.
- 2.9 Lesen premis tidak boleh disewakan.

LAMPIRAN 20

3. LOKASI

- 3.1 Premis bengkel tidak dibenarkan berada bersebelahan dengan premis makanan
- 3.2 Lesen Perniagaan Sementara ini tidak boleh diniaga / digunakan oleh orang lain.
- 3.3 Tidak dibenarkan membuat halangan/longgokan barang-barang di kakilima kedai.

4. KEBERSIHAN & PENGURUSAN PREMIS

- 4.1 Pelesen hendaklah sentiasa menyediakan tong sampah / plastik pengumpulan sampah.
- 4.2 Semua sisa pepejal hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik dan diikat dengan kemas dan kemudian dilupuskan ke dalam tong sampah.
- 4.3 Menumpahkan sebarang cecair / sisa pepejal ke dalam longkang adalah satu kesalahan.
- 4.4 Pelesen hendaklah memastikan premis sentiasa diselenggara dengan baik dan bersih.
- 4.5 Pelesen hendaklah memastikan tandas di premis sentiasa diselenggara dengan baik dan bersih.
- 4.6 Sekiranya terdapat aktiviti menukar minyak enjin kenderaan, sisa minyak tersebut perlu dikumpul dan dilupuskan seperti sisa buangan terjadual.

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat